



SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA SKSSM 2024



PENGUCAPTAMA 1
PROF. MADYA DR. NAZARUDIN
ZAINUN



PENGUCAPTAMA 2
MDM. KHOO SALMA NASUTION

**Menyorot Masa Lampau dalam
Membangun Masyarakat
Malaysia Madani**

**9 & 10 JULAI 2024
9:30 AM - 4:00PM**

**DIRASMIKAN OLEH:
DEKAN PUSAT PENGAJIAN ILMU
KEMANUSIAAN
PROFESOR MADYA DR. JASNI SULONG**

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)

ANJURAN:

**BAHAGIAN SEJARAH, PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN, USM
DAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN PULAU PINANG**



**9 & 10 JULAI 2024
SECARA DALAM TALIAN (WEBEX)**

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)

AHLI JAWATANKUASA

Penaung

Professor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
(Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia)

Penasihat

Professor Madya Dr. Jasni Sulong
(Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan)
Dr. Azmi Arifin
(Pengerusi, Bahagian Sejarah)
Dato' Haji Zulkafli Kamaruddin
(Pengerusi, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang)

Pengarah

Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif

Setiusaha

Dr. Tan Chee Seng

Bendahari

Dr. Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli
Encik Muhamad Haziq Khairil Anuar

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)

AHLI JAWATANKUASA

AJK Fizikal & Teknikal

En. Muhamad Azri Jusoh
En. Encik Syaiful Azim Abdul Wahab
Puan Siti Solehah Abd Kadir
Puan Marzatulshima Mohamad

AJK Promosi, Hebahana dan Sijil

Dr. Azmi Arifin
Profesor Madya Dr. Nazarudin Zainun
Dr. Abdul Rahman Mad Ali
Cik Julia Jaafar
Dato' Haji Zulkafli Kamaruddin
Puan Siti Baizura Jamil
Puan Balkhis Abdullah

AJK Tugas-Tugas Khas

Dr. Norasmahani Hussain
Profesor Madya Muhamad Hasrul Zakariah
Puan Noor Ezalina Ibrahim

AJK Buku Program

Profesor Datin Dr. Mahani Musa
Dr. Azmi Arifin
Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)



KATA ALUAN **Pengarah** **Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta Seminar Kebangsaan Sejarah Sosioekonomi Malaysia yang bertemakan “Menyorot Masa Lampau dalam Membangun Masyarakat Madani”. Seminar ini dirangka sebagai platform akademik yang diharapkan dapat memperkayakan pengkajian sejarah sosioekonomi Malaysia dengan mengangkat tema-tema ihsan supaya perhatian sewajarnya dapat diberikan kepada isu-isu sosioekonomi yang melingkari kehidupan komuniti dan kelompok bawahan.

Pelbagai isu yang diberi perhatian dalam seminar ini adalah merupakan isu-isu yang masih berlanjutan sehingga ke hari ini seperti isu kemiskinan, agihan kekayaan yang tidak seimbang, kesenjangan pembangunan bandar dan luar bandar serta antara wilayah, ketidakadilan sosial, pendidikan, perjuangan kelompok terpinggir dan tertindas dalam ekonomi, pelarian dan penghijrah serta sektor pekerjaan yang berpendapatan rendah. Selain isu-isu yang masih berlanjutan ini, seminar ini juga memfokuskan kepada peranan kerajaan melalui polisi-polisinya serta peranan badan-badan bukan Kerajaan dan badan-badan separa kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu sosioekonomi yang berlaku tersebut.

Adalah diharapkan sumbangan penyelidikan dan idea oleh para ahli akademik, pengkaji sejarah, siswa-siswi, peminat dan pendidik sejarah dapat membantu pihak yang berkenaan mengenal pasti punca-punca kemelaratan dalam kalangan masyarakat yang tidak bernasib baik yang masih berterusan berlaku selain daripada memberi perhatian kepada kelemahan-kelemahan dalam polisi-polisi lepas. Justeru, diharapkan seminar yang dianjurkan ini dapat menyumbang kepada penambahbaikan polisi negara secara lebih komprehensif. Seterusnya, melalui sumbangan kertas kerja yang bermutu, seminar ini juga bermatlamat menghasilkan penerbitan berkualiti bagi menyumbang kepada usaha memperkayakan kajian sejarah sosioekonomi Malaysia.

Seminar sosioekonomi ini turut bertujuan memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menekankan aspek pembangunan sosial dan ekonomi termasuk kemiskinan, kelaparan, kesihatan dan pendidikan iaitu di bawah SDG1 No Poverty, SDG2 Zero Hunger dan SDG10 Reducing inequalities.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini iaitu pasukan ahli jawatankuasa, pengucaptama, pembentang kertas kerja dan peserta seminar. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, YBrs. Profesor Madya Dr. Jasni Sulong; Pengurus Bahagian Sejarah, Dr. Azmi Arifin, Pengurus Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang, YBhg. Dato' Haji Zulkafli Kamaruddin; Bahagian Sejarah, PPIK; Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang dan Kelab Sejarah PPIK, USM. Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat.

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)



KATA ALUAN

**Pengerusi Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Dr. Azmi Arifin**

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di atas segala limpahan kurniaan dan nikmatNya. Selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, kepada seluruh ahli keluarga dan para sahabat.

Pertama sekali, saya sebagai Pengerusi Rancangan, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia, ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada para pengajur dan seluruh Ahli Jawatan Kuasa Seminar Kebangsaan Sejarah Sosioekonomi Malaysia 2024, khususnya Dr Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif selaku Pengarah yang mengemudi kejayaan seminar ini.

Usaha untuk mengadakan seminar dengan tema “Menyorot Masa Lampau dalam Membangun Masyarakat Malaysia Madani” adalah sebagai memenuhi iltizam Bahagian Sejarah PPIK untuk menjadi penerus dan pengembang ilmu sejarah yang konsisten. Seminar yang bertemakan sejarah sosioekonomi, dengan penyertaan pakar-pakar dan sarjana dan tajuk-tajuk kertas kerja yang menarik, adalah melengkapkan lagi seminar-seminar sebelumnya yang lebih banyak menjurus kepada aspek politik dan arus kepimpinan. Seperti yang dijelaskan dalam salah satu objektif seminar ini, seminar ini berhasrat untuk menyediakan satu forum yang dapat menghimpunkan pakar pelbagai bidang dalam meneliti isu-isu penting sosioekonomi yang menentukan pembentukan dan pembinaan masyarakat Malaysia Madani. Antara beberapa aspek yang dipilih dan diangkat dalam seminar ini ialah soal pentadbiran, pertanian, perlombongan, perburuhan, perkembangan institusi, isu sosial dan sebagainya yang merupakan aspek-aspek penting yang masih relevan dalam konteks paparan dan perbahasan sejarah hingga ke hari ini.

Usaha untuk menggerakkan seminar ini mungkin telah dikekang oleh pelbagai cabaran dan komitmen yang tinggi yang dihadapi semua pihak khususnya di Bahagian Sejarah. Oleh itu, tidak dinafikan perjalannya telah melalui banyak liku dan persembahannya adalah sederhana, tetapi memberi kesan dan makna besar kepada khalayak yang minat dengan ilmu sejarah. Walau apapun cabarannya, kita tetap melafazkan sebesar syukur ke hadrat Allah SWT, kerana akhirnya perancangan ini berjaya juga dipenuhi hasil usaha penat lelah seluruh pihak, daripada ahli Jawatankuasa dan para pengajur, pengucaptama, pembentang kertas kerja, dan yang utama ialah sokongan Dekan dan pentadbiran PPIK yang bulat terhadap program ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para pengucaptama, para pembentang kertas kerja dan peserta dalam seminar ini, dan berharap seminar ini akan memberi manfaat besar demi perkembangan dan pengukuhan ilmu sejarah dalam kalangan seluruh peminat sejarah dan masyarakat di Malaysia. Semoga usaha ini tidak akan terhenti di sini dan akan terus disambung selepas ini dengan seminar-seminar seterusnya yang akan mengangkat disiplin sejarah sebagai satu disiplin yang memberi makna besar kepada kemakmuran rakyat dan kesejahteraan negara bangsa Malaysia.

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)



KATA ALUAN

**Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Profesor Madya Dr. Jasni Sulong**

Alhamdulillah, Seminar Kebangsaan Sejarah Sosioekonomi Malaysia (SKSSM 2024) yang bertemakan “Menyorot Masa Lampau dalam Membangun Masyarakat Madani” yang telah dirancang akhirnya dapat direalisasikan pada hari ini. Seminar ini yang merupakan salah satu projek utama Bahagian Sejarah dan mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Seminar ini menyentuh tema-tema penting yang relevan dengan tema ihsan pembangunan masyarakat madani dan hal ini membuktikan Bahagian Sejarah cakna dengan isu-isu semasa negara yang berkaitan dengan aspek sosioekonomi. Pengajuran ini juga mencerminkan Bahagian Sejarah menyokong penuh agenda semasa negara dalam membangunkan negara Malaysia yang lebih baik, mampan dan makmur bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih adil tanpa meminggirkan mana-mana pihak.

Seterusnya, melalui garapan penyelidikan dan idea yang disumbangkan oleh pembentang dalam seminar ini, diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak yang berkaitan mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan isu-isu seperti kemiskinan, jurang antara wilayah dan gender serta isu-isu sosioekonomi masih berlanjut hari ini.

Kejayaan seminar anjuran Bahagian Sejarah mengumpul lebih daripada 20 pembentang kertas kerja ini menunjukkan Bahagian komited dalam menjayakan seminar ini. Harapannya, kertas kerja berkualiti juga dapat diperoleh daripada seminar ini dan seterusnya dapat membantu memperbanyak lagi penerbitan berkualiti oleh Bahagian Sejarah.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan dan bertungkus lumus menjayakan seminar ini, iaitu seluruh Ahli Jawatankuasa seminar, Bahagian Sejarah dan pengajur bersama seminar - Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan kejayaan seminar ini.

Akhir kata, saya mendoakan seminar yang akan berlangsung selama dua hari ini berjalan dengan lancar dan sentiasa berada dalam rahmat dan keberkatan Allah SWT. Dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Seminar Kebangsaan Sejarah Sosioekonomi Malaysia (SKSSM 2024) dengan tema “Menyorot Masa Lampau dalam Membangun Masyarakat Madani”.

Sekian, wassalamualaikum wrt, dan terima kasih.

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)



KATA ALUAN PENUTUP

**Wakil Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Pulau Pinang
Dato' Haji Zulkafli Bin Kamaruddin**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Seminar Kebangsaan Sejarah Sosioekonomi Malaysia (SKSSM 2024) dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan seminar ini khususnya pihak penganjur, para pembentang dan semua peserta.

Penyertaan lebih 25 orang peserta ini telah berjaya mengangkat tema-tema ihsan dalam kajian sejarah sosioekonomi Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada isu-isu sosioekonomi yang masih melanda negara Malaysia pada hari ini seperti isu kemiskinan, agihan kekayaan yang tidak seimbang, pendidikan, kesenjangan pembangunan bandar dan luar bandar serta antara wilayah, pelarian dan penghijrah. Diharapkan penganjuran seminar ini selain daripada memperkaya bidang sejarah sosioekonomi Malaysia, turut sama memberi manfaat kepada pihak terlibat dalam menjayakan agenda negara menyelesaikan isu-isu sosioekonomi agar dapat memenuhi agenda masyarakat Malaysia madani.

Juga adalah harapan saya dan kita semua agar seminar yang mengangkat isu-isu penting yang mengangkat fakta tentang keadaan kehidupan sosioekonomi di negara ini tidak terhenti di sini malah akan terus bersambung pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan seminar ini. Semoga segala usaha kita diberkati dan mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

SEMINAR KEBANGSAAN SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA (SKSSM 2024)

PENGUCAPTAMA 1

**Profesor Madya Dr. Nazarudin
Zainun**

**TAJUK: SEJARAH SOSIOEKONOMI
DAN ILMU BANTUNYA: ANTARA
FAHAM DAN SALAH FAHAM**



PENGUCAPTAMA 2

Madam Khoo Salma Nasution

**TAJUK: PENANG PORT,
COSMOPOLITAN HISTORY**



ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI PERTAMA

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

HARI PERTAMA: SELASA

TARIKH: 9 JULAI 2024

Pautan webex:

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80>

Meeting number: 2512 803 9542

Password: SKSMM2024

| MASA | ACARA |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 9:30 pagi | Kata Aluan Pengacara Majlis (Pengacara: Dr. Tan Chee Seng) |
| 9:40 pagi | Bacaan doa (Dr. Abdul Rahman Mad Ali @ Abang) |
| 9:45-10:00 pagi | Ucapan Aluan Pengarah Seminar (Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif) |
| 10.00-10:15 pagi | Ucapan Aluan Pengurus Bahagian Sejarah (Dr. Azmi Arifin) |
| 10:15-10:30 pagi | Ucapan Perasmian oleh Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Profesor Madya Dr. Jasni Sulong) |
| 10:30-11:30 pagi | Ucaptama 1 Profesor Madya Dr. Nazarudin Zainun (Tajuk: SEJARAH SOSIOEKONOMI DAN ILMU BANTUNYA: ANTARA FAHAM DAN SALAH FAHAM |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI PERTAMA

| MASA | ACARA |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11:30 tengah hari -12:00 petang | REHAT |
| | <p style="text-align: center;">Bilik 1/ Sesi Selari 1 (Moderator: Dr. Norasmahani Hussain)</p> <p style="text-align: center;">TEMA: DASAR KOLONIAL DAN IMPAKNYA TERHADAP PENDUDUK TEMPATAN</p> <p style="text-align: center;">LINK WEBEX SESI SELARI 1: Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m38b0c4b5196f9b83d41ba5c88b01d646</p> <p style="text-align: center;">Meeting number: 2514 768 7902</p> <p style="text-align: center;">Password: SKSMM2024(I)</p> |
| 12:00-12:30 petang | <p>Tinjauan Awal Terhadap Penglibatan Orang Melayu Dalam Industri Perlombongan Bijih Timah Di Perak 1874-1941</p> <p style="text-align: center;">(SYED AHMAD FATHI)</p> |
| 12:30-1:00 petang | <p>Tanaman Komersial Pertama Di Borneo Utara Semasa Era SBBUB: Tembakau</p> <p style="text-align: center;">(FIRDAUS BIN KIROH)</p> |
| 1:00-1:30 petang | <p>Perundungan Tanah British Dan Impaknya Ke Atas Orang Melayu Di Kinta (1874-1941)</p> <p style="text-align: center;">(NUR AIN MOHAMMAD MOKHTAR)</p> |
| 1:30-2:00 petang | <p>Penglibatan British Dalam Perniagaan Todi Di Kedah 1930-1940</p> <p style="text-align: center;">(SANJEEV A/L VIJAYAN)</p> |
| 2:00-2:30 petang | <p>Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB): Impaknya ke atas Sosioekonomi Melayu Luar Bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1922-1940</p> <p style="text-align: center;">(DR. SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF)</p> |
| 2:30-3:00 petang | <p>Silimpopon Bandar Perlombongan Arang Batu Yang Hilang</p> <p style="text-align: center;">(DR. ABDUL RAHMAN MAD ALI @ ABANG)</p> |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI PERTAMA

| MASA | ACARA |
|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11:30 tengah hari -12:00 petang | <p style="text-align: center;">REHAT</p> |
| | <p style="text-align: center;">Bilik 2/ Sesi Selari 2 (Moderator: Dr. Mohd Khairul Anuar Mohamad Rosli)</p> <p style="text-align: center;">TEMA: PERBURUHAN, KEUSAHAWANAN DAN PEMBANGUNAN TARAF EKONOMI</p> <p style="text-align: center;">LINK WEBEX SESI SELARI 2: Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m27ef82ccb62850e51791f0eadcdc0c7b</p> <p style="text-align: center;">Meeting number: 2512 201 1647</p> <p style="text-align: center;">Password: SKSMM2024(2)</p> |
| 12:00-12:30 petang | <p style="text-align: center;">The Development Of Malaysia's Foreign Worker Recruitment Industry (DR. LOW CHOO CHIN)</p> |
| 12:30-1:00 petang | <p style="text-align: center;">Peranan Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) Untuk Melibatkan Orang Melayu Dalam Perniagaan, 1969 - 1990. (WAN KAMARULARIFFIN BIN WAN AHMAD)</p> |
| 1:00-1:30 petang | <p style="text-align: center;">Sumbangan Pertubuhan Bantu Mandiri Mmi Care Association Dalam Pembangunan Keperibadian Dan Keprofesionalan Wanita Muda India Di Malaysia, 2000-2020 (DR SYAMALA NAIR GOPAL)</p> |
| 1:30-2:00 petang | <p style="text-align: center;">Isu Dan Strategi Pembangunan Penanaman Padi Ke Atas Peningkatan Taraf Sosioekonomi Pesawah Padi Di Melaka, 1970-1990 (MUHAMMAD HAFIZI RAHMAT)</p> |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI KEDUA

**PEMBENTANGAN KERTAS KERJA
HARI KEDUA: RABU
TARIKH: 10 JULAI 2024**
Pautan webex:Meeting link:

<https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80>

Meeting number: 2512 803 9542

Password: SKSMM2024

| MASA | ACARA |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| 9:00 pagi | Kata Aluan Pengacara Majlis (Pengacara: Dr. Tan Chee Seng) |
| 9:15-10:15 pagi | Ucaptama 2 Madam Khoo Salma TAJUK: PENANG PORT, COSMOPOLITAN HISTORY |
| 10:15-10:30 pagi | REHAT |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI KEDUA

| MASA | ACARA |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | <p>Bilik 3/ Sesi Selari 3 (Moderator: Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif)</p> <p>TEMA: WARISAN DAN IDENTITI & MALAYSIA DAN NEGARA JIRAN</p> <p>LINK WEBEX SESI SELARI 3: Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=mc67e9eafb32d11ed0f489b68891d0cc6</p> <p>Meeting number: 2511 750 6202</p> <p>Password: SKSMM2024(3)</p> |
| 10:30-11:00 pagi | Pemerkasaan Kuih Warisan Melayu Kedah Dalam Meningkatkan Pendapatan Sosioekonomi Penduduk di Daerah Kubang Pasu, Kedah (DR. JAZLIZA JAMALUDDIN) |
| 11:00-11:30 pagi | Bukit Larut Sanatorium Masyarakat Eropah Sebelum Perang Dunia Kedua (DR. SITI ZAHRAH BINTI MAHFOOD) |
| 11:30-12:00 tengah hari | Pentadbiran Wilayah Persekutuan: Peranan Individu Yang Menjadi Perdana Menteri, 1974-1990 (AZMEER AZMI) |
| 12:00-12:30 tengah hari | Reaksi Malaysia Dan Thailand Terhadap Krisis Pelarian Indochina, 1975-1990. (DUNITA NABILA BINTI A RAHIMIN) |
| 12:30-1:00 petang | Majlis Penutupan Seminar UCAPAN PERASMIAN PENUTUP OLEH PENGURUSI PSM: DATO' HAJI ZULKAFLI BIN KAMARUDDIN PENGACARA: DR. MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80 Meeting number: 2512 803 9542 Password: SKSMM2024 |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI KEDUA

| MASA | ACARA |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | <p>Bilik 4/ Sesi Selari 4 (Moderator: Dr. Mohd Khairul Anuar Mohamad Rosli)</p> <p>TEMA: PENDIDIKAN</p> <p>LINK WEBEX SESI SELARI 4: Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=mb7bb56bbddbd1aa4b81cff3cbea63cb4</p> <p>Meeting number: 2514 271 7305</p> <p>Password: SKSMM2024(4)</p> |
| 10:30-11:00 pagi | <p>Pendidikan Sahsiah Kenegaraan Berdasarkan Undang-Undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh (1893)</p> <p>(DR. 'AISYAH KAMARUDDIN)</p> |
| 11:00-11:30 pagi | <p>Isu-Isu Pendidikan Orang Melayu: Penelitian dari Perspektif Akhbar Berita Harian, 1957-1970</p> <p>(NUR SYAHIDDA SALHA BINTI SABRI)</p> |
| 11:30-12:00 tengah hari | <p>Penerusan Pendidikan Agama Melalui Sekolah Naungan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), 1942-1976</p> <p>(SITI FATHIHAH ABD LATIF)</p> |
| 12:00-12:30 tengah hari | <p>Pendidikan Sebagai Alat Perubahan Menerusi Gaya Komunikasi Pengetua Wanita Di Sekolah: Satu Perspektif (1920-2018)</p> <p>(EMMA TINGKAS & PROF. MADYA DR. MAUREEN DE SILVA)</p> |
| 12:30-1:00 petang | <p>Majlis Penutupan Seminar</p> <p>UCAPAN PERASMIAH PENUTUP OLEH PENGERUSI PSM: DATO' HAJI ZULKAFLI BIN KAMARUDDIN</p> <p>PENGACARA: DR. MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI</p> <p>Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80</p> <p>Meeting number: 2512 803 9542</p> <p>Password: SKSMM2024</p> |

ATURCARA PROGRAM SEMINAR: HARI KEDUA

| MASA | ACARA |
|-------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | <p>Bilik 5/ Sesi Selari 5 (Moderator: Dr. Abdul Rahman Mad Ali)</p> <p>TEMA: PENDIDIKAN</p> <p>LINK WEBEX SESI SELARI 5: Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php? MTID=m34d6b9c5a6af37aa49b2253104dc2447</p> <p>Meeting number: 2519 797 4965</p> <p>Password: SKSMM2024(5)</p> |
| 10:30-11:00 pagi | <p>Perkembangan Pendidikan Masyarakat Melayu Brunei Di Kawasan Pantai Barat Borneo Utara (1881-1963) (DR. DG. JUNAIDAH AWANG JAMBOL)</p> |
| 11:00-11:30 pagi | <p>Peranan Komuniti Indonesia Dalam Sejarah Pendidikan Cina Di Pulau Pinang: 1946-1971 (YANG YANG)</p> |
| 11:30-12:00 tengah hari | <p>Reaksi Terhadap Penggubalan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), 1987-1996 (IRAN SHAH RAMATULLAH & NORAINI BINTI MOHAMED HASSAN)</p> |
| 12:30-1:00 petang | <p>Majlis Penutupan Seminar</p> <p>UCAPAN PERASMIAN PENUTUP OLEH PENGERUSI PSM: DATO' HAJI ZULKAFLI BIN KAMARUDDIN</p> <p>PENGACARA: DR. MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI</p> <p>Meeting link: https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php? MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80</p> <p>Meeting number: 2512 803 9542</p> <p>Password: SKSMM2024</p> |

PAUTAN

PAUTAN HARI PERTAMA (9 JULAI 2024): UPACARA PEMBUKAAN & UCAPTAMA 1

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80>

Meeting number: 2512 803 9542

Password: SKSMM2024

PAUTAN SESI SELARI 1: Dasar Kolonial dan Impaknya kepada penduduk Tempatan

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m38b0c4b5196f9b83d41ba5c88b01d646>

Meeting number: 2514 768 7902

Password: SKSMM2024(1)

PAUTAN SESI SELARI 2: Perburuhan, Keusahawanan dan Pembangunan Taraf Ekonomi

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m27ef82ccb62850e51791f0eadcdc0c7b>

Meeting number: 2512 201 1647

Password: SKSMM2024(2)

PAUTAN SESI SELARI 3: Warisan dan Identiti; Malaysia dan Negara Jiran

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=mc67e9eafb32d11ed0f489b68891d0cc6>

Meeting number: 2511 750 6202

Password: SKSMM2024(3)

PAUTAN

PAUTAN HARI KEDUA (10 JULAI 2024): UCAPTAMA 2 & PENUTUP

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m89944f75fe23df5e2dec0a4a6fad3c80>

Meeting number: 2512 803 9542

Password: SKSMM2024

PAUTAN SESI SELARI 4: Pendidikan

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=mb7bb56bbddbd1aa4b81cff3cbea63cb4>

Meeting number: 2514 271 7305

Password: SKSMM2024(4)

PAUTAN SESI SELARI 5: Pendidikan

Meeting link: <https://usm-cmr.webex.com/usm-cmr/j.php?MTID=m34d6b9c5a6af37aa49b2253104dc2447>

Meeting number: 2519 797 4965

Password: SKSMM2024(5)

ABSTRAK



PENGUCAPTAMA 1

PROFESOR MADYA DR. NAZARUDIN ZAINUN

TAJUK: SEJARAH SOSIOEKONOMI DAN ILMU
BANTUNYA: ANTARA FAHAM DAN SALAH
FAHAM

Kajian sejarah sosioekonomi membantu kita memahami bagaimana interaksi antara faktor ekonomi dan sosial telah membentuk persekitaran dan dunia kita pada hari ini. Ianya memberikan perspektif tentang bagaimana masyarakat telah berkembang dan berubah dalam satu bidang (ekonomi atau sosial) boleh mempengaruhi yang lain. Pengetahuan ini penting untuk membentuk dasar dan strategi bagi menghadapi cabaran sosioekonomi masa kini dan masa depan terutamanya dalam usaha membangun masyarakat Malaysia madani. Dalam konteks menjadikan ilmu sejarah sebagai asas menghadapi cabaran masa kini dan masa depan, maka beberapa persoalan sering dipertanyakan. Apakah kajian Sejarah (sosioekonomi) itu bersifat dinamik? Apakah peranan ilmu bantu dalam kajian Sejarah (sosioekonomi)? Apa sahaja ilmu bantu yang berguna bagi membuktikan kedinamikan dan keilmuan sebuah bidang sejarah? Apakah ciri yang membezakan antara bidang sejarah sosioekonomi dengan setiap bidang ilmu bantunya? Bolehkah ciri tersebut membantu melenyapkan belenggu kesalahfahaman terhadap peranan ilmu bantu dalam sejarah? Terakhir, bolehkah sejarah itu menjadi sebuah ilmu? Dalam konteks sejarah biasanya kajian sosioekonomi tidak akan lengkap tanpa ilmu bantu sejarah. Dalam hal ini kajian sejarah sosioekonomi jelas hanya dapat dijaya dengan meminjam konsep-konsep dan teori-teori daripada bidang ilmu lain terutamanya bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan seperti sosiologi, antropologi, arkeologi, ekonomi, pengurusan, pendidikan, politik malahan bidang sains juga. Semua konsep dan teori ini adalah bersifat dinamik sesuai dengan dinamika sejarah sosioekonomi itu sendiri. Hal ini penting bagi memenuhi kehendak sejarah sebagai sebuah ilmu atau sains yang juga menyangkut dari aspek ontologi, epistemologi dan aksiologinya sekali. Cakupan kajian sejarah sosioekonomi sering kali melangkaui batasan bidang ilmu yang terkotak-kotak, malahan ada ilmuan yang menyatakan kajian sejarah sosioekonomi merangkumi segala sesuatu yang berada di bawah kolong langit ini. Hal inilah yang sering kali boleh menimbulkan salah faham terutamanya dalam membezakan mana satu bidang ilmu sejarah dan mana satu bidang ilmu bantunya. Jika perbezaan ini tidak jelas maka dikhuatiri prinsip ciri disiplin ilmu sejarah itu akan hilang, sebaliknya ciri ilmu bantunya akan muncul. Dalam usaha untuk memastikan kajian sejarah ini berada di atas landasan ciri ilmu sejarahnya yakni adanya perubahan dan kesinambungan maka perlulah dijelaskan garis yang membezakan antara ciri dalam kajian ilmu sejarah yang boleh menghasilkan teks sejarah yang baik dan benar, dengan ciri yang akan melahirkan teks dalam bidang ilmu bantunya. Ada sekian banyak ilmu bantu sejarah, tetapi dalam kajian ini perbincangan hanya akan menyentuh mengenai beberapa ilmu bantu terpilih sahaja iaitu sosiologi, antropologi, ekonomi dan sosioekonomi itu sendiri. Kajian sejarah sosioekonomi sering terbelenggu dengan peranan bidang-bidang tersebut sehingga ada hasil tulisan sejarah yang didakwa sebagai kajian sosiologi, ekonomi, antropologi dan sebagainya. Makalah ini cuba membincangkan perbezaan ciri-ciri setiap bidang terpilih dalam ilmu bantu sejarah bagi membezakannya dengan kajian sejarah sosioekonomi. Moga melalui perbincangan ini akan dapat kefahaman bagi mengelakkan salah faham.

ABSTRAK



PENGUCAPTAMA 2

MADAM KHOO SALMA NASUTION

TAJUK: PENANG PORT, COSMOPOLITAN HISTORY

English: The talk will give an overview on the development of the city of George Town. During the heyday of Penang as a regional and transnational port, various ethnic communities settled in Penang and specialized in their respective occupations in the ‘port cluster’ ecosystem. Large-scale demographic changes in the age of migration laid the basis for Malaysia’s multicultural population today. Mercantile diasporas produced important transnational families and also nurtured links to transnational politics. Penang port played a major role in the colonial economy which extracted the wealth of its hinterland. It was here that the spice planters, the tin tycoons and then the rubber magnates could access capital for their investments beyond Penang. Colonial capitalism also created an asymmetrical society where most of the power and influence was in the hands of a small ruling elite and mercantile class, whereas the majority of inhabitants were exploited as cheap labour. The Japanese Occupation was a watershed in Malaya’s history. Certain factors led to the loss of free port status, which was strongly resisted by the Penang elite. With the decline of Penang port, the economy was sustained by rise of the manufacturing sector and tourism sector. After decades of neglect, George Town together with Melaka were recognised as UNESCO-listed Historic Cities of the Straits of Malacca in 2008. How does George Town’s cultural heritage and place history continue to evoke certain historical themes?

Bahasa Melayu: Ceramah ini akan memberi gambaran tentang pembangunan bandar George Town. Semasa zaman kegemilangan Pulau Pinang sebagai pelabuhan serantau dan transnasional, pelbagai komuniti etnik menetap di Pulau Pinang dan mengkhususkan diri dalam pekerjaan masing-masing dalam ekosistem ‘port cluster’. Perubahan demografi berskala besar dalam zaman penghijrahan menjadi teras penduduk berbilang budaya Malaysia hari ini. Diaspora perdagangan menghasilkan keluarga transnasional yang penting dan juga memupuk hubungan dengan politik transnasional. Pelabuhan Pulau Pinang memainkan peranan utama dalam ekonomi penjajah yang mengekstrak kekayaan kawasan pedalamannya. Di sinilah penanam rempah ratus, taikun bijih timah dan kemudian hartawan ladang getah boleh mengutip modal untuk pelaburan mereka di luar Pulau Pinang. Kapitalisme kolonial juga mewujudkan masyarakat yang tidak simetri di mana kebanyakan kuasa dan pengaruh berada di tangan elit pemerintah kecil dan kelas pedagang, manakala di mana majoriti penduduk dieksplotasi sebagai buruh murah. Pendudukan Jepun merupakan satu ‘watershed’ dalam sejarah Tanah Melayu. Faktor tertentu menyebabkan kehilangan status pelabuhan bebas, yang ditentang kuat oleh elit Pulau Pinang. Dengan kemerosotan pelabuhan Pulau Pinang, ekonomi dikenalkan dengan peningkatan industri pembuatan dan sektor pelancongan. Selepas berdekad-dekad diabaikan, kedua-dua bandar George Town bersama-sama dan bandar Melaka telah diiktiraf sebagai Bandar Bersejarah Selat Melaka yang tersenarai UNESCO pada tahun 2008. Bagaimanakah warisan budaya dan sejarah tempat-tempat George Town terus membangkitkan tema sejarah tertentu?

ABSTRAK

SYED AHMAD FATHI BIN SYED MOHD KHAIR

TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGLIBATAN ORANG MELAYU DALAM INDUSTRI PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI PERAK 1874-1941

Industri perlombongan bijih timah merupakan industri yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi di Tanah Melayu pada abad ke-19. Semasa zaman kemuncaknya, Perak merupakan negeri yang paling utama menyumbang kepada industri ini. Kebanyakan penulisan sejarah perihal industri ini di Perak lebih memfokuskan peranan yang dimainkan oleh buruh Cina. Penglibatan orang Melayu dalam industri ini tidak diketengahkan dalam penulisan sejarah. Oleh itu, satu kajian terperinci diperlukan untuk mengkaji sejauh mana penglibatan orang Melayu dalam industri ini. Penulisan ini akan melakukan tinjauan awal perihal penglibatan orang Melayu dalam industri perlombongan bijih timah di Perak pada tahun 1874 hingga 1941. Ia bertujuan untuk mengisi kelompong yang ada dalam penulisan sejarah dengan mengetengahkan golongan yang sebelum ini dipinggirkan dari penulisan sejarah arus perdana. Tinjauan ini akan menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi utama dengan menganalisa sumber-sumber primer dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. Kaedah kepustakaan juga digunakan bagi meninjau kajian-kajian sedia ada. Selain itu kaedah kuantitatif juga digunakan bagi menguatkan lagi dapatan tinjauan. Tinjauan ini mendapati bahawa orang Melayu sememangnya terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Perak semasa Tanah Melayu ditadbir British. Sumber-sumber yang ada juga didapati mencukupi bagi membuktikan penglibatan orang Melayu dalam perlombongan bijih timah. Tinjauan ini berpandangan kajian yang lebih teliti dan menyeluruh wajar dilaksanakan bagi mengisi kelompong penulisan sedia ada yang memerihalkan penglibatan dan sumbangan orang Melayu dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Perak dari tahun 1874 hingga tahun 1941.

Kata kunci: Buruh Melayu, Perlombongan Bijih Timah, Perak, British, Tanah Melayu

*Pembentang kertas kerja: Syed Ahmad Fathi merupakan pelajar sarjana di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian, Universiti Sains Malaysia.

Emel: fathi137@gmail.com

ABSTRAK

FIRDAUS KIROH

TANAMAN KOMERSIAL PERTAMA DI BORNEO UTARA SEMASA ERA SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH (SBBUB): TEMBAKAU

Sejarah menunjukkan bahawa aset utama Borneo Utara ialah kekayaan sumber mineral, kayu dan tanah subur. Modal yang besar diperlukan untuk membangunkan sumber mineral dan kayu menyebabkan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) membuka tanah bagi membangunkan sektor pertanian komersial. Terdapat pelbagai jenis tanaman tropikal yang telah dibangunkan oleh SBBUB semasa di peringkat awal pertapakannya di Borneo Utara, namun, tanaman-tanaman awal tersebut tidak membawa hasil yang signifikan. SBBUB mula memperoleh keuntungan daripada sektor pertanian komersial ini apabila tanaman tembakau mula diperkenalkan. Tembakau merupakan hasil pertanian pertama yang telah mendominasi kuantiti eksport Borneo Utara di era SBBUB. Walau bagaimanapun, kejayaan industri tembakau ini tidak bertahan lama. Justeru itu, penulisan ini melihat kepada perkembangan dan kemerosotan tanaman tembakau di Borneo Utara semasa era SBBUB.

Kata kunci: Sejarah, pertanian komersial, tembakau, Borneo Utara.

*Pembentang Kertas Kerja: Firdaus Bin Kiroh merupakan guru di SMK Bum-Bum Semporna, Sabah. Graduan Sarjana Sastera (Sejarah), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: firdauskiroh@gmail.com

ABSTRAK

NUR AIN BINTI MOHAMMAD MOKHTAR & SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

PERUNDANGAN TANAH BRITISH DAN IMPAKNYA KE ATAS ORANG MELAYU DI KINTA (1874-1941)

Kertas kerja ini membincangkan mengenai pembaharuan terhadap aspek perundangan tanah yang telah diperkenalkan oleh British di Perak dan kesannya ke atas orang Melayu di Kinta (1874-1941). Tujuan utama perundangan tanah British diperkenalkan di Perak adalah untuk menolak peraturan tanah tradisional yang dianggap tidak lagi bersesuaian untuk diamalkan di bawah pentadbiran British yang ingin mengaut keuntungan. Hal ini telah menyebabkan orang Melayu terpaksa berhadapan dengan isu-isu tanah terutamanya di Kinta yang telah dikhususkan untuk kegiatan perlombongan bijih timah oleh British. Kesannya, orang Melayu di Kinta terpaksa berhadapan dengan isu pemilikan dan kehilangan tanah. Walau bagaimanapun, penulisan-penulisan lalu kebanyakannya hanya mengaitkan isu pemilikan dan kehilangan tanah dengan sikap orang Melayu yang dikatakan suka berhutang sehingga menyebabkan tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu terjual kepada orang bukan Melayu. Meskipun begitu, kajian ini mendapati isu utama kepada permasalahan ini tidaklah semata-mata berpunca daripada sikap orang Melayu suka berhutang. Punca utama kepada permasalahan ini adalah peraturan dalam perundangan tanah British yang menetapkan tanah perlombongan yang pemiliknya tidak mempunyai bukti pemilikan tanah yang sempurna akan dirizabkan oleh kerajaan. Begitu juga bagi tanah perlombongan yang tidak lagi diusahakan selama dua tahun berturut-turut akan turut dirizabkan oleh kerajaan. Penetapan sedemikian umumnya bertujuan untuk membuka ruang dan peluang bagi British untuk mengambil alih tanah-tanah milik orang Melayu untuk diberikan kepada orang Eropah dan golongan pemodal yang akan membolehkan kerajaan menjana pendapatan yang lebih tinggi daripada kegiatan perlombongan yang lebih produktif seperti mana pemberian pajakan khas oleh kerajaan kepada orang Eropah dan golongan pemodal untuk mengusahakan lombong-lombong di Kinta sehingga menghalang perkembangan ekonomi orang Melayu di bawah pentadbiran British. Kertas kerja ini menggunakan sumber-sumber primer yang terdiri daripada rekod rasmi British seperti The Perak Government Gazette, Federated Malay States Government Gazette, The Straits Settlements Government Gazette, Colonial Office, Kinta Land Office, Meetings of the Perak State Council, dan Laporan Banci Penduduk.

Kata Kunci: Perundangan tanah tradisional, perundangan tanah British, orang Melayu, perlombongan timah, Kinta.

*Pembentang kertas kerja: Nur Ain Mohammad Mokhtar merupakan calon Sarjana Sastera di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Email: ainmokhtar@student.usm.my

**Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

SANJEEV A/L VIJAYAN

PENGLIBATAN BRITISH DALAM PERNIAGAAN TODI DI KEDAH 1930-1940

Kajian ini meneliti tentang penglibatan British dalam perniagaan todi di Kedah dari tahun 1930 hingga 1940 iaitu tentang peranan Kedai Todi Kerajaan yang menjual todi dalam kalangan buruh-buruh estet, Jabatan Kerja Raya dan Keretapi Tanah Melayu. Permasalahan yang diteliti dalam kajian ini adalah tidak mencukupi serta kurang maklumat mengenainya. Kebanyakan kajian yang dijalankan telah menumpukan perhatian kepada masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh buruh-buruh India di estet-estet getah akibat minuman todi serta kesan-kesannya. Metodologi kajian ini berdasarkan sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk ialah fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), laporan tahunan Jabatan Kastam dan Jabatan Buruh di negeri Kedah. Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah buku, tesis dan jurnal. Hasil dapatan menunjukkan perincian tugas orang-orang terlibat dalam kedai todi kerajaan serta sumbangannya kepada negeri Kedah. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan British di Kedah telah mengaut keuntungan daripada jualan todi di kedai todi kerajaan yang telah dimonopolinya dari gaji buruh-buruh India. Kajian ini perlu diberikan perhatian dan tumpuan tentang bagaimana proses perniagaan tersebut berlaku dan pegawai-pegawai serta pekerja-pekerja yang terlibat menjayakannya.

Kata Kunci: Kedai todi kerajaan, minuman todi, buruh-buruh India, penglibatan British, negeri Kedah.

*Pembentang Kertas Kerja: Sanjeev Vijayan merupakan Guru Sejarah di SMK Gurun, Kedah. Merupakan Bekas Pelajar Sarjana Sejarah Asia Tenggara di Bahagian Sejarah, PPIK, USM Tahun 2023/24.

Email: bedong75@gmail.com

ABSTRAK

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

EKONOMI MELAYU LUAR BANDAR SEMASA PENJAJAHAN: PERANAN DAN IMPAK KOPERASI KREDIT LUAR BANDAR (KKLB) DI NNMB, 1922-1940

Koperasi Kredit Luar Bandar (KKLB) merupakan sebuah badan yang ditubuhkan oleh pentadbiran British di bawah Cooperative Societies Enactment, 1922 bagi membantu orang Melayu memperoleh pinjaman wang dengan mudah dan dengan kadar faedah yang rendah. Penubuhan KKLB ini merupakan reaksi kerajaan bagi membantu orang Melayu luar bandar yang semakin memerlukan kredit dalam bentuk wang untuk tujuan modal pendahulu mahupun di kala sukar iaitu semasa hasil tanaman tidak menjadi ataupun semasa kejatuhan harga tanaman di pasaran. Penubuhannya adalah di atas prinsip saling berkerjasama sesama ahli, khususnya dalam meningkatkan taraf ekonomi ahli-ahlinya iaitu untuk menyelesaikan isu hutang dalam kalangan orang Melayu. Isu hutang ini akhirnya menyebabkan orang Melayu yang rata-ratanya terdiri daripada golongan petani kehilangan tanahnya yang merupakan harta dan sumber ekonominya yang paling signifikan kepada golongan ceti dan pemutang. Hal ini kerana hutang lazimnya dibuat dengan cagaran tanah atau akhirnya tanah terpaksa dijual bagi menampung hutang yang tidak dapat dibayar. Sungguhpun begitu, kajian ini mendapati bahawa penubuhan KKLB tidak memberi kesan signifikan kepada kehilangan tanah orang Melayu, meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu mahupun membantu mereka keluar dari belenggu kemiskinan. Hal ini kerana, penubuhan KKLB ini sejak dari awal dirangka dengan matlamat mengelakkan kerugian kepada kerajaan jika pinjaman yang diberikan tidak dapat dilunaskan oleh pemimjam. Maka, bagi memperoleh dananya, KKLB ini mensyaratkan individu-individu yang ingin menjadi ahli koperasi perlu menyimpan sejumlah wang mengikut kadar yang ditetapkan pada setiap tahun. Simpanan dalam bentuk caruman ini tidak boleh dikeluarkan sebelum mencapai tempoh matang yang dipersetujui. Namun, ahli-ahli boleh meminjam wang daripada koperasi untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan. Maka sejak dari awal, kemampuan kewangan orang Melayu adalah amat penting untuk menyertai koperasi ini. Oleh itu tidak semua orang Melayu mampu menyertai koperasi kerana tidak mampu untuk menjelaskan yuran keahlian serta menyimpan dalam kadar yang tetap setiap tahun lantaran pendapatan mereka yang sentiasa rendah. Akibatnya, golongan ini tidak dapat menerima keistimewaan-keistimewaan yang disediakan oleh KKLB dan tidak semua kawasan juga mampu menubuhkan dan mengekalkan penubuhan KKLB.

Kata kunci: Koperasi Kredit Luar Bandar, kemudahan kredit, kemiskinan, modal, Cooperative Societies Enactment

*Pembentang Kertas Kerja: Dr. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

ABSTRAK

ABDUL RAHMAN BIN MAD ALI @ ABANG

SILIMPOPON BANDAR PERLOMBONGAN ARANG BATU YANG HILANG DI NORTH
BORNEO, 1905-1937

Silimpopon merupakan bandar yang muncul daripada aktiviti ekonomi perlombongan arang batu pada era kolonial yang terletak di North Borneo kini negeri Sabah di Malaysia. Kawasan lombong arang batu ini mula beroperasi pada tahun 1905 hingga tahun 1937 yang dikendalikan oleh syarikat Cowie Harbour Coal Company Ltd. yang berpusat di London, England. Kedudukan dan lokasi perlombongan arang batu Silimpopon ini terletak di Residensi Tawau, North Borneo turut dihuni sekitar 3,000 orang yang tinggal di bandar Silimpopon. Silimpopon ketika itu berada di bawah pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) yang telah membangunkan kawasan tersebut sebagai sebuah bandar yang paling kaya dan moden hasil daripada kekayaan arang batu merupakan bandar yang pertama di Residensi Tawau sebelum bandar Tawau pada hari ini. Malangnya perkembangan bandar Silimpopon kian merundum apabila penemuan petroleum dalam industri dunia telah mengantikan peranan arang batu memberi dampak kepada peranan bandar Silimpopon bertunjangkan kepada ekonomi berasaskan perlombongan arang batu. Akhirnya fungsi bandar Silimpopon telah beralih ke bandar Tawau (kini) kerana lokasi yang lebih strategik untuk pelabuhan bagi Residensi Tawau, North Borneo sehingga kini. Penelitian penulisan ini mengetengahkan sejarah kewujudan dan perkembangan bandar Silimpopon yang terbentuk daripada penemuan arang batu serta tinggalan tapak perlombongan tersebut sebagai warisan sejarah ekonomi pada era kolonial di North Borneo.

Kata Kunci: Silimpopon, arang batu, ekonomi, bandar, North Borneo.

*Pembentang kertas kerja: Dr Abdul Rahman bin Mad Ali merupakan Pensyarah Kanan Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Email: manabdulrahman@usm.my

ABSTRAK

LOW CHOO CHIN

THE DEVELOPMENT OF MALAYSIA'S FOREIGN WORKER RECRUITMENT INDUSTRY

This study analyses the growing trend of Malaysia's foreign worker recruitment sector in its pursuit of ethical recruitment practices. It focuses on three aspects: the zero-cost migration MOU between Nepal and Malaysia, trade sanctions, and recruitment fees remediation programme. It answers the following research questions: How does the state implement ethical recruitment initiatives for migrant workers? What are the challenges of labour diplomacy between Malaysia and Nepal in implementing a zero-cost migration MoU? What are the implications of trade sanctions on ethical recruitment and corporate responsibility in Malaysia? In accordance with the Guiding Principles for Business and Human Rights of the United Nations, recruitment fees remediation demonstrated the corporate accountability of businesses in addressing the human rights impacts of their operations. The results indicate that remediation initiatives enhance the safeguarding of migrant workers against debt bondage. This research incorporates secondary literature, government documents, reports from intergovernmental organisations, media statements from civil society actors, and online newspapers.

Keywords: debt bondage; ethical recruitment; migrant rights; labour migration; remediation

*Pembentang Kertas Kerja: Low Choo Chin merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

Email: lowc@usm.my

ABSTRAK

WAN KAMARULARIFFIN BIN WAN AHMAD & DR. AZHARUDIN BIN MOHAMED DALI

PERANAN PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS) UNTUK MELIBATKAN ORANG MELAYU DALAM PERNIAGAAN, 1969 – 1990

Usaha untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu yang ketinggalan berbanding dengan kaum lain telah dibuat dengan mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera I (KEB I) pada 6 Jun 1965 bagi membincangkan kelemahan orang Melayu dalam perniagaan dan perdagangan. Seterusnya, Kongres Ekonomi Bumiputera II (KEB II) diadakan pula pada 7 hingga 9 September 1968 bagi menilai kembali kegagalan kongres pertama dahulu terutamanya daripada aspek kritikan terhadap pelaksanaannya. Dalam KEB II ini juga Tun Abdul Razak mengusulkan supaya sebuah agensi perdagangan Bumiputera ditubuhkan yang membawa kepada penubuhan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada 29 November 1969. Antara persoalan-persoalan kajian yang ingin dilihat dalam kertas kerja ini ialah (i) Apakah peranan yang dimainkan oleh PERNAS dan anak-anak syarikatnya untuk melibatkan orang-orang Melayu dalam perniagaan? dan (ii) Apakah isu-isu dan kritikan-kritikan yang timbul terhadap PERNAS dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhannya? Kertas kerja ini adalah untuk melihat apakah peranan yang dimainkan secara khusus oleh anak-anak syarikat milik PERNAS untuk melibatkan orang Melayu dalam perniagaan dan juga isu-isu dan kritikan-kritikan yang timbul terhadap PERNAS dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhannya. Pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder dalam menjalankan kajian ini. Sumber primer adalah meliputi hansard parliment dan sumber-sumber dari Arkib Negara berkaitan PERNAS. Bagi sumber sekunder, pengkaji akan merujuk buku-buku, bahan internet dan akhbar-akhbar yang membincangkan mengenai peranan PERNAS ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa anak-anak syarikat milik PERNAS memainkan peranan dengan melatih orang Melayu untuk melibatkan diri dalam perniagaan mengikut bidang masing-masing dan badan ini juga berjaya menghadapi cabarannya yang tersendiri untuk terus beroperasi.

Kata Kunci: Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Dasar Ekonomi Baru (DEB), ekuiti, ekonomi, peniaga.

*Pembentang kertas kerja: Wan Kamarulariffin bin Wan Ahmad merupakan calon Doktor Falsafah (PhD.) (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Emel: wankamarul701@gmail.com

**Dr. Azharudin bin Mohamed Dali merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

ABSTRAK

DR SYAMALA NAIR GOPAL

SUMBANGAN PERTUBUHAN BANTU MANDIRI MMi CARE ASSOCIATION DALAM PEMBANGUNAN KEPERIBADIAN DAN KEPROFESIONALAN WANITA MUDA INDIA DI MALAYSIA, 2000-2020

Masalah penindasan dan amalan diskriminasi serta pengabaian hak wanita India telah membawa kepada penubuhan pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita yang muncul sebagai aktor sosial atau sebagai kelompok/agen yang aktif dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan gender dan hak wanita. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji berkenaan pertubuhan MMi Care Association yang ditubuhkan pada tahun 2003, sebuah pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan khas untuk membawa perubahan dalam diri serta perwatakan wanita India terutamanya gadis-gadis muda India dalam lingkungan umur 17 hingga 30 tahun. Terdapat beberapa isu yang telah dikenal pasti yang menjadi penghalang kepada wanita muda India mengorak langkah ke hadapan. Isu-isu seperti warna kulit, isu agama dan bahasa, masalah seksual, kehamilan zaman remaja, peningkatan kes perceraian dan ibu tunggal menjadi kekangan kejayaan wanita India di Malaysia. Konotasi negatif yang sentiasa wujud dalam kalangan masyarakat umum serta stereotaip media terhadap masyarakat India umumnya turut dilihat sebagai batu penghalang kepada kemajuan komuniti ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh MMi Care Association dalam pembangunan keperibadian dan keprofesionalan wanita muda India di Malaysia sepanjang tempoh kajian. Kajian ini juga akan menilai keberkesanannya program yang telah dijalankan serta menganalisis masalah, kekangan serta cabaran yang telah mereka lalui sepanjang tempoh perancangan dan perlaksanaan inisiatif-inisiatif ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dan sejarah lisan. Pendekatan sejarah lisan digunakan bagi mengutip memori dan pengalaman peribadi mereka yang telah terlibat secara langsung dalam pertubuhan bantu mandiri ini. Dapatkan kajian mendapati usaha-usaha yang dilakukan oleh MMi Care Association merupakan satu pendekatan jangka panjang ke arah memperkaya budaya dan penampilan moden wanita India abad ke-21. Pertubuhan ini menggalakkan pembangunan dari aspek keyakinan diri, penghargaan kendiri, kemampuan bersaing, sensitif terhadap budaya dan akhir sekali keinginan untuk membantu wanita muda India yang lain di negara ini.

Kata Kunci : MMi Care Association, penindasan, sejarah lisan, keprofesionalan, keperibadian

*Pembentang kertas kerja: Dr Syamala Nair Gopal merupakan Pensyarah Akademik di Institut Pendidikan Guru, Kampus Pulau Pinang. Merupakan bekas pelajar Kedoktoran di PPIK, USM tahun 2021

Emel: syamalanair.gopal@ipgm.edu.my

ABSTRAK

MUHAMMAD HAFIZI BIN RAHMAT & ARBAI'YAH BINTI MOHD NOOR

ISU DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PENANAMAN PADI KE ATAS PENINGKATAN TARAF SOSIOEKONOMI PESAWAH PADI DI MELAKA, 1970-1990

Perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia semakin menunjukkan kemajuan yang produktif setelah kemunculan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini menjadi titik permulaan kepada campur tangan kerajaan secara terus dalam memperbaiki taraf hidup golongan pesawah padi. Pada peringkat kerajaan-kerajaan negeri, agenda pembangunan DEB mula menjadi petunjuk kepada penggubalan dasar pembangunan negeri-negeri dengan melihat kesesuaianya mengikut keadaan fizikal dan struktur ekonomi masing-masing. Dalam hal ini, Kerajaan Melaka telah mengenal pasti beberapa isu dalam sektor penanaman padi dan telah mewujudkan rancangan-rancangan pembangunan padi sepanjang tempoh dwi-dekad berkenaan. Justeru itu, matlamat penulisan kertas kerja ini adalah untuk merungkaikan isu-isu dihadapi kelompok pesawah padi dalam negeri Melaka. Perbincangan turut melihat bagaimanakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri berjaya mengubah nasib kedudukan ekonomi pesawah padi di Melaka selari untuk mencapai matlamat yang diimpikan DEB. Penyelidikan secara kualitatif ini menjalankan kajian kepustakaan dan arkib dengan merujuk sumber-sumber berwibawa yang diperoleh seperti Laporan Tahunan agensi-agensi berkaitan dan dokumen dasar pembangunan negeri. Hasil penyelidikan yang dilakukan mendapati isu keluasan tanah dan infrastruktur merupakan pengaruh dominan yang membantutkan perkembangan tanaman ini sekali gus menyebabkan jurang perolehan pendapatan masih rendah berbanding sektor pekerjaan lain. Kajian ke atas pesawah padi di Melaka membuktikan penekanan dasar kerajaan ke arah pemodenan sektor pertanian padi memberi implikasi perubahan yang drastik untuk menurunkan kadar kemiskinan.

Kata Kunci: Kemiskinan, Padi, Pesawah Padi, Melaka

*Pembentang kertas kerja: Muhammad Hafizi Rahmat merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya.

Email : hafizi.rahmat1991@gmail.com

**Dr. Arba'iyah Binti Mohd Noor merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

ABSTRAK

JAZLIZA JAMALUDDIN

PEMERKASAAN KUIH WARISAN MELAYU DALAM MEMBANGUNKAN PENDAPATAN PENDUDUK DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH

Kubang Pasu adalah salah sebuah dari dua belas daerah di Kedah. Pembuatan kuih warisan adalah antara sumber ekonomi pendapatan penduduk sama ada diusahakan bermusim atau berterusan. Kajian ini adalah satu usaha untuk mengenal pasti kuih warisan Melayu yang terdapat di setiap daerah di Kedah, namun penulisan ini memberi fokus khususnya di Kubang Pasu. Hal ini kerana Kubang Pasu adalah penyumbang kepada pembuatan kuih warisan Melayu seperti Ubi Telampong (mengikut musim), Dangai Kemboja, Coq Peneram (berterusan) dan Halwa Maskat (mengikut pemintaan). Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tentang pemeliharaan kuih warisan Melayu yang semakin pupus disebabkan pemodenan makanan sedangkan kuih warisan dapat menyumbang kepada pembangunan pendapatan penduduk. Kaedah kajian adalah secara kualitatif dan kajian lapangan ke beberapa mukim di Kubang Pasu. Temu bual dan melihat secara langsung kaedah pembuatan kuih warisan adalah pengumpulan data utama. Hasil kajian mendapati bahawa penduduk kampung sama ada mengusahakan secara bermusim atau tidak bermusim menjadikan kuih warisan Melayu Kedah ini sebagai sumber pendapatan utama atau sampingan (iaitu dibuat dalam musim dan sebagai mengeratkan hubungan sesama penduduk kampung). Kesimpulannya, kuih warisan Melayu Kedah adalah penyambung kuih warisan dari generasi ke generasi yang mampu menyumbang kepada pendapatan ekonomi penduduk meskipun terdapat di kalangan pengusaha kuih warisan ini memperolehi hasil diusahakan mengikut musim sahaja iaitu bergantung kepada cuaca atau sepanjang musim. Selain itu ia dapat menjamin pemeliharaan kuih warisan supaya tidak dipupuskan oleh arus pemodenan makanan yang kian mendapat tempat di kalangan generasi muda.

Kata kunci: Kuih warisan, Melayu Kedah, pendapatan, Kubang Pasu

*Pembentang kertas kerja: Jazliza Jamaluddin merupakan pensyarah akademik di Unit Sejarah dan Kenegaraan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Emel: jazliza@uum.edu.my

ABSTRAK

SITI ZAHRAH MAHFOOD & SHARAN SYAHMIN BIN SHARIF

BUKIT LARUT SANATORIUM MASYARAKAT EROPAH SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA

Kertas kerja ini membincangkan kesan utama kedatangan pihak kolonial ke wilayah jajahan takluk mereka yang telah mendorong kepada pembangunan stesen bukit yang berfungsi sebagai pusat sanatorium yang menjadi tempat untuk penyembuhan diri bagi para pegawai yang berkhidmat di kawasan jajahan mereka. Di Tanah Melayu sanatorium pertama ditubuhkan pada tahun 1880-an oleh kerajaan kolonial British adalah di Bukit Larut. Sanatorium ini memainkan peranan yang sangat penting sebagai tempat rawatan pemulihan bagi memperbaiki kesihatan pegawai Eropah. Bukit Larut adalah tempat yang sesuai dengan keadaan persekitaran yang nyaman dan selesa untuk pegawai Eropah yang sedang beradaptasi dengan keadaan di tanah pamah Malaya yang panas terik. Persekutaran hijau yang disertai dengan udara di sekitar pergunungan yang sejuk dipercayai mampu untuk memberikan kelegaan dan penyembuhan daripada keadaan iklim tropika dan tekanan pentadbiran kolonial khasnya dalam kalangan pegawai Eropah yang berkhidmat di Tanah Melayu. Kemudahan perubatan, rejimen yang ketat dan kesejahteraan fizikal serta mental yang berfokus sesuai dengan fungsi Bukit Larut sebagai pusat sanatorium. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada sumber-sumber primer seperti dokumen dan laporan berkaitan yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia manakala sumber kedua digunakan secara optimum untuk menyokong fakta daripada sumber primer. Kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih berkenaan kepentingan sejarah Bukit Larut dan peranannya yang berkembang menjadi tapak perubatan dan kawasan rekreasi setelah menerima pengaruh daripada penjajah.

Kata kunci: Bukit Larut, Sanatorium, Stesen Bukit, Kesihatan, Perak.

*Pembentang kertas kerja: Sharan Syahmi Bin Sharif merupakan calon Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Emel: sharansyahmi@gmail.com

**Siti Zahrah Binti Mahfood merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

AZMEER AZMI

PENTADBIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN: PERANAN INDIVIDU YANG MENJADI PERDANA MENTERI, 1974-1990

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana individu yang telah menjadi Perdana Menteri memainkan peranan dalam membentuk pentadbiran Wilayah Persekutuan dari 1974 sehingga 1990. Ianya meliputi tiga tempoh pentadbiran di bawah tiga orang Perdana Menteri iaitu bermula dari Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussien (1976-1981) dan Tun Dr. Mahathir (1981-2003). Penilaian ini dibuat berdasarkan peranan mereka dalam membentuk visi, hala tuju dan perancangan mentadbir Wilayah Persekutuan. Perbezaan ini dapat dilihat melalui perubahan yang dilaksanakan di bawah pentadbiran masing-masing. Ini merupakan rentetan dari saranan Suruhanjaya Reid yang merangka Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1956, dengan meletakkan pentadbiran apa yang dipanggil sebagai Ibu Kota Persekutuan (Federal Capital) iaitu Kuala Lumpur terus di bawah Kerajaan Pusat. Justeru itu menjadi bidang kuasa dan prerogative bagi setiap Perdana Menteri untuk mencorak pentadbiran di bawah kepimpinannya. Ini juga bermakna bahawa Perdana Menterilah yang menjadi the ultimate authority dalam pentadbiran Wilayah Persekutuan. Setelah penubuhan Wilayah Persekutuan pada tahun 1974, Tun Abdul Razak meletakkan Kuala Lumpur di bawah seorang menteri yang menjaga Kementerian Kerajaan Tempatan. Keadaaan ini berterusan sehinggalah Tun Hussien menubuhkan satu kementerian khas untuk pentadbiran Kuala Lumpur yang dinamakan Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 1978, dua tahun setelah beliau menjadi Perdana Menteri. Pertambahan satu lagi ahli baru dalam keluarga Wilayah Persekutuan iaitu Pulau Labuan berlaku pada tahun 1984 semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Setelah tiga tahun, beliau telah menukarkan pentadbiran Wilayah Persekutuan yang selama ini di bawah satu kementerian kepada terus di bawahnya iaitu Jabatan Perdana Menteri. Kesimpulannya, perubahan-perubahan yang berlaku sepanjang 14 tahun pentadbiran Wilayah Persekutuan (1974-1990) jelas menunjukkan bahawa individu yang menjadi Perdana Menteri telah memberikan impak yang besar kepada Wilayah Persekutuan.

Kata kunci: Wilayah Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan, Pentadbiran, Perdana Menteri

*Pembentang kertas kerja: Azmeer bin Azmi merupakan calon doktor falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Emel: azmeerazmi@gmail.com

**Noraini binti Mohamed Hassan merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

**Noor Ain binti Mat Noor merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITrA), Universiti Malaya.

ABSTRAK

DUNITA NABILA BINTI A RAHIMIN & DANNY WONG TZE KEN

REAKSI MALAYSIA DAN THAILAND TERHADAP KRISIS PELARIAN INDOCHINA,
1975-1990

Selepas berakhirnya Perang Vietnam pada tahun 1975, telah berlaku krisis kemasukan beramai-ramai pelarian Indochina ke negara-negara Asia Tenggara dan Hong Kong. Perkara ini telah diburukkan lagi dengan dua faktor lain iaitu; pertama, kekejaman rejim Khmer Rouge dan kedua, Konflik Kemboja yang menyaksikan tentera Vietnam menceroboh Kemboja pada tahun 1978. Pelarian-pelarian Indochina telah menjadikan negara-negara seperti Malaysia dan Thailand sebagai negara tumpuan memandangkan lokasinya yang berhampiran dengan Indochina. Perkara ini telah menyebabkan Malaysia dan Thailand menghadapi cabaran yang sangat besar dalam menguruskan hal ehwal pelarian-pelarian tersebut. Kertas kerja ini mempunyai dua objektif utama iaitu; pertama, mengkaji reaksi Malaysia dan Thailand dalam menghadapi krisis pelarian dari Indochina dan kedua, menilai pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara ini dalam menghadapi krisis ini. Dalam mencapai kesemua objektif ini, kaedah kualitatif digunakan dengan cara menganalisis sumber primer seperti dokumen arkib dan laporan akhbar dalam menghasilkan perbincangan yang lebih objektif. Bahan sekunder yang berautoritatif seperti tesis, buku, dan artikel jurnal turut digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan antara Malaysia dan Thailand dalam menghadapi krisis ini. Walaupun kedua-dua negara memberi bantuan perlindungan di kem-kem pelarian negara masing-masing, namun kedua-dua negara ini telah mengambil pendekatan yang berbeza dalam memberikan penempatan semula kepada pelarian Indochina. Malaysia dilihat mengutamakan pelarian Indochina yang berbangsa Cham dan beragama Islam, berbanding Thailand yang menerima semua lapisan bangsa pelarian Indochina. Justeru itu, kertas kerja ini menyimpulkan bahawa walaupun Malaysia dan Thailand menghadapi cabaran krisis yang sama tetapi kedua-dua negara memiliki reaksi yang berbeza kerana perbezaan dasar kedua-dua negara.

Kata kunci: krisis pelarian Indochina, Malaysia, Thailand, Perang Dingin.

*Pembentang kertas kerja: Dunita Nabila binti A Rahimin merupakan calon doktor falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Emel: dunita.nabila@gmail.com

**Danny Wong Tze Ken merupakan Profesor Sejarah Asia Tenggara di Jabatan Sejarah dan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Universiti Malaya.

ABSTRAK

'AISYAH KAMARUDDIN

PENDIDIKAN KEWARGANEGARAAN BERDASARKAN MANUSKRIP MELAYU, UNDANG-UNDANG KEDAH NASKHAH KU DIN KU MEH (1893)

Pendidikan merupakan teras kepada pembangunan dan halatju sesebuah negara, khususnya terhadap golongan belia. Pindaan penurunan umur minimum layak mengundi dan bertanding sebagai Ahli Dewan Rakyat dilihat memberi impak yang besar kepada masa depan negara sebagai warganegara, khususnya peranan generasi belia dalam memahami dan menghayati peranan warganegara secara mendalam serta aspek kepimpinan politik dan negara. Keputusan PRU 2022 menyaksikan gelombang Undi 18, yang mewakili sebanyak 30 peratus suara golongan muda menunjukkan telah wujud kesedaran politik untuk memahami aspek pentadbiran dan mempraktikannya dalam amalan demokrasi negara. Sekali gus, membuktikan keperluan kepada generasi belia untuk menjawai dan menghayati tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia yang berpendidikan termasuk faham tentang kewajipan memilih pemimpin yang berkaliber selain menjalankan peranan mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara. Dengan menjadikan manuskrip Melayu, kajian ini bertujuan meneliti kandungan Undang-Undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh (1893) dalam pembentukan nilai-nilai, dan kesedaran warganegara terhadap golongan belia dalam mendepani cabaran sebagai penyambungan warisan kepimpinan politik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang melibatkan analisis terhadap fasal-fasal yang terkandung dalam Undang-undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh bagi mengena lpasti elemen kenegaraan sebagai warganegara khususnya yang terkait dengan aspek politik dan pentadbiran. Berdasarkan fasal-fasal yang terkandung dalam Undang-undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh, didapati pendidikan kenegaraan turut menjadi asas yang lengkap kepada perlumbagaan ini relevan dan signifikan pada masa kini terutama dalam konteks Pendidikan di Malaysia selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SGD), Teras IV, "memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua."

Kata kunci: Pendidikan, kewarganegaraan, manuskrip Melayu, Undang-undang Kedah, Ku Din Ku Meh

*Pembentang Kertas Kerja: 'Aisyah Kamaruddin merupakan Pensyarah Kanan program Sejarah (Pendidikan) di UUM.

Emel: aisyahk@uum.edu.my

ABSTRAK

NUR SYAHIDDA SALHA BINTI SABRI

ISU-ISU PENDIDIKAN ORANG MELAYU: PENELITIAN DARI PERSPEKTIF AKHBAR BERITA HARIAN, 1957-1970

Kertas kerja ini membincangkan mengenai perbahasan isu-isu pendidikan orang Melayu dalam akhbar Berita Harian selepas merdeka tahun 1957 sehingga tahun 1970. Isu pendidikan orang Melayu yang dikupas adalah kemunduran pendidikan orang Melayu, kekurangan sekolah menengah Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan. Pemilihan kajian akhbar sebagai sumber utama kerana akhbar merupakan sumber pencejarahan primer terbaik untuk dikaji yang mempunyai rencana dan pandangan saksama mengenai perkembangan orang Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti isu-isu utama pendidikan orang Melayu pasca merdeka dan sorotannya dalam akhbar Berita Harian, serta menganalisis sejauh mana pandangan lidah pengarang Berita Harian dalam mendukung dasar-dasar pendidikan negara dan pendidikan orang Melayu. Bagi mencapai objektif kajian serta merungkai semua persoalan kajian, kaedah kualitatif dan kaedah kepustakaan digunakan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini dapat memberi kefahaman yang lebih jitu dan mendalam terhadap sesuatu isu yang dikaji. Selain itu, kaedah ini berperanan untuk menjelaskan isu yang dikaji dalam akhbar Berita Harian secara menyeluruh tanpa dimanipulasikan oleh pengkaji. Pengkaji memberikan perhatian kepada aktiviti meneliti dan menganalisis kandungan dokumen-dokumen berkaitan secara holistik berpandukan tema dan idea mengikut kronologi masa. Sumber yang dirujuk ialah sumber primer dan sumber sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk semasa menjalankan kajian ialah akhbar Berita Harian, Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa isu kemunduran pendidikan orang Melayu, kekurangan sekolah menengah Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dibahas dan dilaporkan dengan jelas dan terperinci oleh akhbar Berita Harian. Manakala, lidah pengarang pula matang dan seimbang apabila memberikan pandangan dan saranan terhadap isu pendidikan orang Melayu tersebut. Oleh itu, menerusi kajian ini, dapat diketahui keadaan sebenar pendidikan orang Melayu selepas merdeka dengan lebih jelas melalui sorotan akhbar.

Kata kunci: Akhbar, Berita Harian, Pendidikan Orang Melayu, Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960

*Pembentang Kertas Kerja: Nur Syahidda Salha Sabri merupakan seorang guru Sejarah Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman. Merupakan bekas pelajar sarjana sejarah Asia Tenggara, Bahagian Sejarah, PPIK, USM

Emel: syahidda86@gmail.com

ABSTRAK

SITI FATHIHAH ABD LATIF

PENERUSAN PENDIDIKAN AGAMA MELALUI SEKOLAH NAUNGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK), 1942-1976

Pendidikan di Kelantan semakin rancak apabila kolonialisme British menyambung dasar pendidikan vernakular sejak tahun 1906 setelah mengambil alih pentadbiran Kelantan dariada Siam. Namun, pada masa yang sama, usaha harus dilakukan oleh masyarakat dan pemimpin tempatan dalam mempertahankan pendidikan agama selaku pendidikan awal yang dinikmati oleh masyarakat negeri tersebut. Kajian ini meneliti penglibatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam mengelola sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan. Sekolah-sekolah tersebut diletakkan sebagai sekolah naungan MAIK sejak tahun 1942 sehingga penyerahan pentadbiran sekolah kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan pada tahun 1976. Sepanjang tempoh MAIK menguruskan sekolah naungan tersebut, jelas memperlihatkan peranan MAIK selaku organisasi agama tersebut yang turut bertanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat termasuklah pembangunan pendidikan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisis sumber daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara dan beberapa institusi lain. Kajian ini mendapati bahawa penubuhan sekolah naungan merupakan salah satu strategi meneruskan pendidikan agama dalam bentuk persekolahan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran sama ada isu dalaman MAIK mahupun persaingan dengan sistem persekolahan lain, pembirokrasian yang dilaksanakan MAIK sepanjang mengelola sekolah naungan MAIK menjadi faktor penting kepada kelangsungan sekolah naungan MAIK sehingga penyerahan sekolah pada tahun 1976.

Kata kunci: MAIK; sekolah naungan; pendidikan; agama; Kelantan

Pembentang Kertas Kerja: Siti Fathihah Abd Latif merupakan pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Email: fathihah.al@umk.edu.my

ABSTRAK

EMMA BINTI TINGKAS & MAUREEN DE SILVA

PENDIDIKAN SEBAGAI ALAT PERUBAHAN MENERUSI GAYA KOMUNIKASI PENGETUA WANITA DI SEKOLAH: SATU PERSPEKTIF DARI SUDUT SEJARAH

Dalam sebuah organisasi seperti sekolah, individu yang memegang peranan terpenting dalam memastikan kelancaran pentadbiran baik melibatkan pengurusan pejabat, subordinat, para pelajar dan persekitaran sekolah adalah terletak di bahu insan yang disebut sebagai pengetua. Sememangnya peranan pengetua sebagai ketua organisasi di sekolah sangat memberikan kesan terhadap pencapaian sekolah itu sendiri. Penyelidikan ini mengetengahkan peranan pengetua wanita dalam bertindak sebagai agen perubahan di sekolah dari perspektif sejarah dan usaha pengetua wanita untuk menjadikan sekolah lebih cemerlang dari aspek akademik dan sahsiah dalam kalangan pelajarnya. Objektif utama kajian ini adalah untuk menelusuri sejarah kepengetuaan wanita di Malaysia dalam menjalankan amanah sama seperti pengetua lelaki. Selain daripada itu, makalah ini juga bertujuan mengenal pasti gaya komunikasi yang diamalkan dan dianggap ideal untuk diadaptasi oleh pengetua wanita serta melihat sejauh manakah gaya komunikasi yang diamalkan tersebut mempengaruhi transformasi yang berlaku dalam sekolah itu sendiri. Kajian mendapati pengetua wanita mampu melaksanakan peranan sebagai pemimpin dan pengurus sekolah yang berjaya membawa perubahan yang signifikan melibatkan aspek akademik, kurikulum, sahsiah dalam kalangan pelajarnya sehingga melonjakkan lagi prestasi sekolah yang dipimpin oleh pengetua wanita. Penyelidik menggunakan metode kualitatif dengan mengadaptasi kaedah kajian kepustakaan, in depth interview dalam proses pengumpulan data serta kritikan sumber dan analisis kandungan untuk proses analisis data.

Kata kunci: pengetua wanita, gaya komunikasi, sekolah, transformasi, pendidikan

*Pembentang merupakan calon PhD sepenuh masa dan mengambil program Sejarah (Sejarah Asia Tenggara) di Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: excel2u07@gmail.com

**Prof Madya Dr Maureen De Silva merupakan Pensyarah Kanan program Sejarah, FSSK, UMS.

ABSTRAK

DG. JUNAIDAH BINTI AWANG JAMBOL

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI KAWASAN PANTAI BARAT BORNEO UTARA, 1881-1963

Perubahan bentuk pentadbiran yang dilakukan oleh pihak penjajah di Borneo Utara merupakan satu realiti yang telah mengubah bukan sahaja corak pemikiran dan kehidupan masyarakat peribumi seluruhnya malah turut mendedahkan mereka tentang kepentingan aspek pendidikan. Kajian ini akan membincangkan tentang sejarah perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei berdasarkan kepada rujukan daripada sumber-sumber yang berwibawa, dokumen rasmi British dan temu bual dengan beberapa informen dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei yang terlibat dalam pendidikan penjajah. Makalah ini cuba untuk memberikan penjelasan tentang penglibatan masyarakat Melayu Brunei di dalam pendidikan moden dan bagaimana peluang di dalam pendidikan tersebut akhirnya telah berjaya mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei untuk bersaing dengan kaum-kaum lain khususnya untuk mendapatkan jawatan yang paling rendah dalam pentadbiran penjajah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei berlaku sangat perlahan berbanding dengan kaum-kaum lain. Hal ini kerana peluang pendidikan awal yang diberikan oleh penjajah lebih bersifat selektif dan hanya dimonopoli oleh golongan bangsawan yang mempunyai pengaruh dan kepentingan kepada pihak penjajah. Walau bagaimanapun, peluang pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei ini semakin meningkat selepas pihak penjajah membina lebih banyak sekolah vernakular dan membawa masuk golongan agama sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan. Perubahan ini dilakukan bertujuan untuk menarik minat lebih ramai masyarakat peribumi Islam untuk mendapatkan pendidikan formal agar tahap literasi dalam kalangan penduduk semakin meningkat. Oleh itu, kajian ini akan cuba untuk menjelaskan tentang perkembangan awal pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara dengan menumpukan kepada penganalisisan terhadap penglibatan mereka dalam pendidikan penjajah menerusi tiga garis waktu iaitu zaman pentadbiran British North Borneo Chartered Company (BNBC), Jepun dan Kolonial British. Ketiga-tiga garis waktu ini sangat penting untuk dibincangkan kerana tahap perkembangan intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei inilah yang akan mempengaruhi tahap pengekalan, kedudukan dan penglibatan mereka di dalam politik pentadbiran, ekonomi dan sosial selepas Sabah merdeka pada tahun 1963.

Kata Kunci: Masyarakat Melayu Brunei, pendidikan, perubahan, perkembangan, Borneo Utara

*Pembentang Kertas Kerja: Merupakan pensyarah kanan program Sejarah di FSSK, UMS

Emel: dgjunaidah@ums.edu.my

ABSTRAK

YANG YANG

KAUM CINA INDONESIA DALAM SEJARAH PENDIDIKAN CINA DI PULAU PINANG, 1945 -1990

Indonesia, salah satu tempat asal awal bagi pendatang Cina dan memiliki salah satu populasi Cina terbesar di dunia, memiliki sejarah pendidikan bahasa Cina yang kaya. Sementara pendidikan Cina di Indonesia awalnya mengalami perkembangan pesat, kemudian menghadapi penurunan drastik. Sebaliknya, pendidikan Cina moden di kawasan Malaysia, bersamaan dengan Indonesia, mengambil jalur yang berbeza. Walaupun menghadapi cabaran, pendidikan Cina di Malaysia menunjukkan ketahanan, sangat berkait rapat dengan kawasan Malaya. Kajian ini menumpukan kepada Pulau Pinang, Malaysia, dari pertengahan abad ke-20 hingga akhir abad ke-20, dengan tujuan mendedahkan sumbangan luar biasa komuniti Cina Indonesia dalam pendidikan Cina. Dari tahun 1945 hingga 1990, komuniti Cina Indonesia memainkan peranan penting dalam pendidikan Cina di Pulau Pinang. Melalui penerokaan sekolah, institusi budaya, dan aktiviti masyarakat, penyelidikan ini menekankan sumbangan besar mereka dalam memelihara identiti budaya dan memacu pembangunan pendidikan.

Kata kunci: Indonesia, Imigran Cina, Pendidikan Cina, Malaysia, Pulau Pinang

*Pembentang kertas kerja: Yang Yang merupakan calon PhD sepenuh masa dan mengambil program Sejarah (Sejarah Asia Tenggara), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian, Universiti Sains Malaysia.

Emel: yangy10@student.usm.my

ABSTRAK

IRAN SHAH RAMATULLAH & NORAINI BINTI MOHAMED HASSAN

REAKSI TERHADAP PENGGUBALAN AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550), 1987-1996

Akta Pendidikan 1996 diterapkan dengan tujuan menyusun struktur undang-undang yang holistik untuk sistem pendidikan Malaysia, dengan fokus mengintegrasikan aliran pendidikan negara dan merangkul dasar pembangunan kebangsaan serta visi 2020. Walaupun demikian, wujud cabaran berterusan dalam menangani kesenjangan antara aliran pendidikan yang berbeza, terutamanya dalam menjaga kelestarian bahasa dan budaya vernakular. Proses peninjauan Akta Pendidikan 1961 dari 1987 hingga 1989 melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk persatuan etnik, badan pendidikan, dan organisasi politik. Akta Pendidikan 1996, diluluskan pada 15 Julai 1996, merangkumi 156 seksyen dan 16 bahagian, dengan 17 peraturan yang menuntut pelaksanaan teliti. Proses penyusunan dipimpin oleh tiga menteri pendidikan: Anwar Ibrahim, Dato' Dr. Amar Haji Sulaiman, dan Najib Razak. Penilaian melibatkan jawatankuasa yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Pendidikan, pengarah jabatan pendidikan, pentadbir sekolah dan wakil-wakil dari pelbagai organisasi politik. Sepanjang proses penyusunan, terdapat respon dan tentangan dari orang awam, persatuan, NGO, dan ahli akademik. Parti politik seperti DAP, PAS, PRM, dan Semangat 46 menolak undangan untuk menyertai Majlis Penasihat Undang-undang Pendidikan. Persatuan Cina seperti Hua Tuan dan Dong Jiao Zong menetapkan syarat-syarat untuk undang-undang tersebut, termasuk penggunaan Bahasa Malaysia sebagai medium pengajaran utama di semua sekolah. Akta Pendidikan 1996 memainkan peranan utama sebagai undang-undang asas dalam sistem pendidikan Malaysia, mencerminkan pelbagai pendapat dan keperluan untuk mencapai keseimbangan dalam pendidikan negara. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis fakta, dengan merujuk kepada pelbagai sumber termasuk Hansards parlimen, akhbar, laman web, buku, jurnal, dan disertasi. Penumpuan khusus diberikan dalam mencari bahan di Perpustakaan Universiti Malaya dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur untuk mendapatkan sumber primer dan sekunder.

Kata kunci: Akta Pendidikan 1996, Akta 550, dasar pendidikan, perkembangan pendidikan

*Pembentang kertas kerja: Iran Shah Ramatullah merupakan calon Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
Emel: iranshah.ramatullah@gmail.com

**Noraini binti Mohamed Hassan merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

PENGHARGAAN

YBhg. Professor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul
Rahman Mohamed
Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia

YBrs. Profesor Madya Dr. Jasni Sulong
Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

YBhg. Dato' Haji Zulkafli Kamaruddin
Pengerusi, Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Pulau Pinang

Bahagian Sejarah, PPIK, USM

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau
Pinang

Ahli Jawatankuasa Kerja Seminar

Kelab Sejarah, PPIK USM